

U GB 04-02. 00169 BA232

Aab

Mahathir - Vietnam

I

KUALA LUMPUR, 4 Feb (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menawarkan bantuan Malaysia kepada pembangunan Vietnam, khususnya dalam bidang petroleum, perlombongan, perladangan dan perhutanan di samping pelaburan dalam perkhidmatan kewangan.

Perdana Menteri juga mengumumkan kesediaan Malaysia untuk menghidupkan semula skim khasnya bagi memajukan industri getah Vietnam, yang telah dihentikan selepas meletusnya perang Kemboja.

Semasa merasmikan pembukaan Simposium Strategi Pembangunan Bank Dunia di sini, beliau mengisytiharkan bahawa Malaysia bersedia untuk berkongsi kepakaran dan pengetahuannya dengan Vietnam. Simposium itu dianjurkan khusus oleh bank berkenaan bagi membantu Vietnam dalam program pembangunannya.

Simposium dua hari itu dihadiri oleh Malaysia, Vietnam, Indonesia dan Korea Selatan. Perwakilan Vietnam diketuai oleh Naib Pengerusi Pertama Majlis Menteriannya, Encik Vo Van Kiet.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata peningkatan ekonomi Vietnam bukan sahaja akan memberi sumbangan kepada kemakmuran negara itu, bahkan juga akan memberi faedah kepada rantau Asia Tenggara pada keseluruhannya dan juga dunia. -- Lagi.

♥04/02/12-48MST

U GB 04-02 00168 BA236

Aab

Mahathir - Vietnam 2 Kuala Lumpur

+Trend ke arah peningkatan ekonomi Vietnam secara liberal amat bermakna khususnya kepada kita, kerana kita semua merupakan jiran terdekat,+ katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata bahawa walaupun Malaysia mempunyai hubungan diplomatik dengan Vietnam, pertukaran ekonomi dan perdagangan antara kedua-dua negara amat kecil. Perdagangannya dengan Vietnam hanya berjumlah kira-kira AS\$50 juta, katanya.

Ini disebabkan oleh hubungan yang kurang memuaskan dan tanggapan yang berbeza dalam sistem dan kepentingan politik antara satu sama lain sejak kebelakangan ini.

Bagaimanapun, Perdana Menteri berkata bahawa hubungan perdagangan yang lebih baik dan lawatan yang lebih kerap oleh pegawai-pegawai Vietnam ke sini sejak akhir-akhir ini telah mengurangkan salah faham dan meningkatkan perdagangan dan pelaburan antara Malaysia dan Vietnam.

Datuk Seri Dr Mahathir juga berkata bahawa Malaysia sukacita mendapati bahawa +doi moi+ atau proses pengubahsuaian di Vietnam, yang bermula sejak 1986, telah mencapai kejayaan.

Beliau berharap Vietnam akan meneruskan usahanya untuk memperluaskan dan membangunkan ekonominya. -- Lagi.

♥04/02/13-05MST

U GB 04-02 00168 BA239

Aab

Mahathir - Vietnam 3 Kuala Lumpur

Datuk Seri Dr Mahathir juga menegaskan tentang perlunya diwujudkan sebuah Kumpulan Ekonomi Asia Timur, yang sedang diusahakan oleh Malaysia, bagi menentang dasar perlindungan perdagangan oleh blok Eropah dan Amerika.

Beliau menegaskan bahawa kesan berbahaya dasar-dasar perlindungan boleh dikurangkan jika negara-negara Asia Timur bersependapat mengenai isu-isu kepentingan bersama. +Secara bersendirian kita mempunyai harapan untuk menghujahkan kes kita,+ kata beliau

Perdana Menteri menggesa Vietnam supaya mengkaji dengan serius cadangan Malaysia itu dan perbincangan mengenai perkara berkenaan boleh diadakan kemudian.

Apabila ditanya oleh pemberita mengenai kumpulan yang dicadangkan itu, Datuk Seri Dr Mahathir berkata: +Kita mahu menemui kesemua pemimpin di Asia Timur (mengenai perkara itu). Bukan Vietnam sahaja,+ tambah beliau.

Beliau juga berkata bahawa Kerajaan Brunei telah memberi sambutan +yang positif+ kepada cadangan itu semasa perbincangan dengan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz.

Mengenai peruntukan bagi memajukan industri getah Vietnam, Perdana Menteri berkata sebanyak \$500,000 disediakan. -- Bernama.

♥04/02/13-23MST